

UMS komited giatkan penyelidikan

Oleh NIK JASNI CHE JAAFAR

nikjasni.ub@gmail.com

UB 24 05 2012 15

KOTA KINABALU: Sebanyak 337 penyertaan melibatkan 215 penyelidik dan 122 inovasi dari pelbagai kategori dipertandingkan dalam Pertandingan Penyelidikan dan Rekacipta Universiti Malaysia Sabah (Pereka) tahun ini.

Jumlah penyertaan itu menunjukkan peningkatan sebanyak 17 peratus berbanding tahun lalu.

Naib Canselor UMS, Prof Datuk Seri Panglima Dr Kamaruzaman Ampon berkata, pengurusan UMS sentiasa memberi keutamaan kepada penyediaan kemudahan yang terbaik bagi tujuan penyelidikan dan inovasi di universiti berkenaan.

"Selain dari menyediakan insentif pendidikan,

pengurusan universiti juga akan terus menyediakan geran penyelidikan dalaman (*seed money*) kepada penyelidik muda selain dana untuk membantu penyelidik pascasiswazah.

"Universiti juga akan terus menyediakan dana bagi melindungi harta intelek dan untuk menghadiri persidangan, pameran dan pertandingan rekacipta di peringkat kebangsaan dan antarabangsa," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan penutupan Pereka 2012, di universiti itu, kelmarin.

Menurutnya, harta intelek hasil penyelidikan dan inovasi adalah aset penting sesebuah universiti dan boleh memberi pendapatan jika berjaya dikomersilkan.

"Tahun lalu, UMS dengan kerjasama myIPO

Sabah berjaya memberi perlindungan bagi 44 harta intelek dalam bentuk paten, rekabentuk dan hak cipta.

"Beberapa harta intelek ini telah dinilai untuk tujuan pengkomersilan termasuk produk-produk lain untuk tujuan sama," katanya.

Tambahnya, susulan Pereka 2011, UMS telah menyertai beberapa pertandingan rekacipta di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

Daripada penyertaan itu, katanya, UMS memperolehi lapan emas, sebelas perak dan tujuh gangsa.

Sementara itu, Timbalan Naib Canselor Penyelidikan dan Inovasi, Prof Dr Mohd Harun Abdullah berkata Pereka adalah acara tahunan menyediakan platform kepada penyelidik UMS


mempamerkan hasil penyelidikan dan inovasi mereka.

"Melalui pertandingan ini, UMS berharap dapat mencungkil hasil penyelidikan dan inovasi yang mempunyai impak untuk pembangunan sosio-ekonomi negara," katanya.

Tambahnya, penyelidikan dan rekacipta yang memenangi anugerah pada Pereka tahun ini akan dipertandingkan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

Sementara itu, beliau turut berharap sebahagian hasil penyelidikan dan inovasi kali ini dapat dikomersilkan.

Dalam pada itu, beliau menjelaskan bahawa pengadil pertandingan adalah pegawai dan wakil dari pelbagai agensi, sekolah dan universiti bagi memastikan penilaian yang telus dan adil.



KAMARUZAMAN (dua kanan) ketika melawat pameran di gerai pameran Sekolah Kejuruteraan dan Teknologi Maklumat.